

Pemuda PKR S'gor bidas polis ganggu majlis 'DNA'
Malaysiakini.com
March 26, 2011

Pemuda PKR Selangor hari ini membidas tindakan polis yang didakwa mengganggu majlis pelancaran 'Datuk Najib Altantuya' (DNA) anjuran parti itu di Kuala Lumpur, malam tadi.

"Pihak Angkatan Muda Keadilan Selangor menluahkan rasa kecawa dan mengecam tindakan pihak polis... Tindakan ini mengakibatkan kecederaan kepada rakyat yang hadir termasuk wartawan dan pimpinan Angkatan Muda Keadilan," kata ketua penerangannya, Mohd Saifullah Zulklifi dalam satu kenyataan akhbar.

Katanya, lebih malang lagi apabila pihak polis bertindak menyalahi undang-undang dengan mengganggu majlis aman ini yang diadakan di kawasan persendirian.

"Pihak polis jelas menunjukkan sikap tidak profesional apabila menyerbu masuk kawasan persendirian ini dan cuba mengheret Datuk Seri Anwar Ibrahim di saat-saat beliau telah pun menutup ceramah beliau.

"Tindakan seperti ini membuktikan bahawa pihak Umno-BN yang diketuai oleh Datuk Seri Najib Razak dan isterinya Datin Seri Rosmah Mansor takut kepada kebangkitan rakyat dan kebenaran akan terpancar menutupi fitnah yang cuba ditaburi dalam kes Saiful Bukhari dan video Seks Datuk T," katanya.

Pada kejadian itu, tiga anggota PKR ditahan polis.

Kira-kira 10 anggota polis bertindak menghalang ketua umum PKR itu daripada berucap lebih daripada 15 minit yang dibenarkan dan kira-kira 1,500 orang hadirin menjadi berang.

Keadaan menjadi kecoh apabila mereka yang tidak puashati dengan arahan supaya Anwar berhenti berucap, mula membaling kerusi, botol air, bata dan kayu ke arah anggota polis anti-rusuhan.

Menurut Mohd Saifullah, pihak polis sepatutnya tidak perlu takut dengan rakyat yang hanya berhimpun secara aman itu.

"AMK Selangor ingin menyeru agar pihak polis tidak perlu rasa takut dengan arahan dan tekanan pihak pemerintah Umno-BN. Polis harus bertindak secara profesional dan berkhidmat kepada rakyat, bukan BN," akhiri kenyataannya itu.